

KEDIDI DIAN KECIL
Red Knot

FAMILI: Scolopacidae
NAMA SAINTIFIK: *Calidris canutus*

CIRI-CIRI

Di luar musim membiak, bahagian paruh lurus dan pendek manakala jalur di antara bahagian paruh ke bahagian mata berwarna gelap. Jalur pada bahagian atas kening berwarna putih, bahagian atas badan berwarna kelabu manakala bahagian bawah badan tiada bintik-bintik hitam. Pada bahagian sisi badan, terdapat jalur-jalur berbentuk 'V'. Semasa terbang, kelihatan jalur-jalur hitam pada bahagian atas tongkeng dan bahagian atas pangkal ekor. Bahagian ekor berwarna kelabu manakala pada bahagian bawah pangkal sayap kurang terdapat warna putih. Bahagian kaki berwarna hijau pudar. Semasa musim membiak, bahagian mahkota kepala, belakang tengkuk dan bahagian atas belakang badan berjalur hitam. Bahagian atas pangkal sayap berwarna kuning langsung kemerahan dan hitam manakala bahagian muka dan bahagian bawah badan berwarna kuning langsung kemerahan. Bahagian bawah tongkeng berwarna putih dengan jalur-jalur gelap.

SAIZ

Individu dewasa mempunyai saiz di antara 23-25 sm.

MAKANAN

Siput, ketam, serangga-serangga kecil dan cacing.

HABITAT

Beting pasir dan lumpur.

BUNYI

Semasa terbang ataupun semasa mencari pasangan, burung ini mengeluarkan bunyi *knut* atau *wutt* yang kasar. Sekiranya dalam keadaan terancam, ia mengeluarkan bunyi *kikik*.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah pada bulan Jun. Sarang dibina di kawasan tundra yang berumput. Individu betina menghasilkan di antara 3-4 biji dan mengeram sehingga 22 hari.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.